

ALOR SETAR, 9 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMBUAT PERUBAHAN KEPADA SISTEM PEMBERIAN KUPON SUBSIDI HARGA PADI YANG SEDANG DILAKSANAKAN SEKARANG, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK HAJI ABDUL MANAN OTHMAN, AKAN MENGUMUMKAN LANGKAH TERSEBUT BEBERAPA HARI LAGI DIMANA PARA PENANAM PADI AKAN MENDAPAT WANGTUNAI DENGAN MUDAHNYA DARIPADA KUPON YANG MEREKA TERIMA SEMASA MENJUAL PADI.

+PERKARA TERSEBUT SEDANG DISUSUN DAN SAYA TIDAK MAHU MENYENTUHNYA SEBELUM DATUK MANAN MEMBUAT PENGUMUMAN ITU, + KATANYA, BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGULAS RAYUAN Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Peladang Kobah, Haji Abdul Rashid Bin Haji Ahmad, yang meminta kerajaan mengkaji semula cara pemberian kupon subsidi harga padi.

Haji Abdul Rashid menyarankan supaya kerajaan melonggarkan sistem tersebut dengan memberikan wang kepada penanam padi yang mempunyai kawasan bendang yang kecil. -- BERSAMPUNG 1540/SZ

MAHATHIR-KUPON 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN SEGALA PANDANGAN YANG DIBERIKAN OLEH HAJI ABDUL RASHID SEBAGAI WAKIL PENANAM-PENANAM PADI SEDANG DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU MENEGASKAN, KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMEKAKKAN TELINGA TERHADAP SERUAN YANG DIBUAT OLEH PENANAM-PENANAM PADI TETAPI SELALU MENDENGAR DAN SENTIASA MERANCANG CARA-CARA UNTUK MENOLONG MEREKA.

+SAYA MEMINTA PENANAM-PENANAM PADI SUPAYA SELALU INSAF DAN BERSYUKUR KERANA SIKAP YANG DEMIKIAN ADALAH DIMINTA DAN DI SURUH OLEH AGAMA ISLAM, + TAMBAHNYA.

+TETAPI KALAU MEREKA MEMBUAT KELAKUAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI MEMECAHKAN CERMIN-CERMIN BANGUNAN KERAJAAN SEMATA-MATA KERANA HENDAK MENUNTUT KENAIKAN HARGA PADI, MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT SEBARANG FAEDAH, + UJARNYA. -- BERNAMA 1543/SZ